

10 IPT akan dibangun di Marang

SA 04/03/08 pg-12.

Janji calon sekiranya BN terus diberi mandat mewakili kawasan Parlimen itu.

■ W. SAIDATUL FADZILAH
W. NAJEMUDIN

MARANG - Daerah Marang akan dijadikan sebagai hab pendidikan dengan membangunkan kira-kira 10 institusi pengajian tinggi (IPT) di kawasan Bukit Kor bagi menggalakkan peluang pendidikan kepada masyarakat setempat.

Menurut calon Barisan Nasional (BN) yang akan bertanding untuk kerusi Parlimen Marang, Datuk Dr. Ahmad Ramzi Mohamad Zubir, pembangunan pendidikan adalah fokus utama yang akan dititikberatkan selepas ini sekiranya BN diberi mandat mewakili kawasan Parlimen berkenaan.

Katanya, konsep IPT yang akan dibangunkan pelbagai antaranya, universiti, kolej universiti dan institut kemahiran yang mampu menjana pembangunan minda mampan di kalangan anak-anak setempat.

"Tanah seluar 500 ekar di Bukit Kor telah diluluskan untuk pembinaan kampus baru Universiti Malaysia Terengganu dan kawasan berkenaan sememangnya mempunyai pusat pendidikan seperti Terengganu Skills Development Centre Berhad (Tesdec).

"Melalui bidang pendidikan, kita mampu memberi peluang pekerjaan yang baru kepada rakyat, memajukan kawasan setempat dan menggalakkan perkembangan ekonomi," katanya kepada **Sinar Harian** ketika ditemui, di sini, semalam.



Dr. Ahmad Ramzi (kiri) berbincang mengenai senario politik semasa dengan rakannya ketika ditemui Marang, semalam.

Selain daripada pusat pendidikan, beliau turut memberitahu Bukit Kor akan dibangunkan sebuah kompleks pentadbiran yang baru bagi memantau perjalanan pentadbiran di Marang.

Sementara itu, beliau juga

memberitahu melalui pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), sebanyak 155 juta pembangunan yang dilaksanakan di Marang dan pihaknya akan turut menumpukan kepada pembangunan pelancongan, pertanian dan

infrastruktur di bawah projek tersebut.

"Kita mengharap apa yang dirancang meratanya kenyataan kerana BN menentu sesuatu yang konkrit untuk ketengahankan kepada rakyat katanya.

"Tanah seluar 500 ekar di Bukit Kor telah diluluskan untuk pembinaan kampus baru Universiti Malaysia Terengganu dan kawasan berkenaan sememangnya mempunyai pusat pendidikan seperti Terengganu Skills Development Centre Berhad (Tesdec)."

Ahmad Ramzi Mohamad Zubir